

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH :

SOALAN :

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk membangunkan laman petisyen 'We the Rakyat' untuk mendengar keluhan rakyat sebagaimana laman 'We the People' oleh Kerajaan Amerika Syarikat, yang mana Kerajaan perlu bertindak segera menjawab semua petisyen yang memperolehi lebih 10,000 tandatangan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kerajaan belum bersedia untuk membangunkan laman petisyen 'We the Rakyat' sebagaimana laman 'We the People' di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin

dengan kehendak rakyat dan amat menggalakkan rakyat menyuarakan pandangan/cadangan dan kritikan membina serta memberi input lain yang boleh memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Menerusi prinsip Merakyatkan Perkhidmatan Awam, para penjawat awam digalakkan untuk mempergiat usaha mendampingi rakyat dan berkomunikasi secara langsung bagi mendapatkan maklumat serta melihat sendiri keadaan sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi.

Bagi tujuan ini, Kerajaan menyediakan pelbagai saluran supaya input/cadangan/pandangan dan kritikan membina dapat disalurkan dengan lebih berkesan menerusi penganjuran program-program seperti berikut :-

- i) Program Hari Bertemu Pelanggan;
- ii) Majlis Dialog Bersama Menteri atau Pegawai Atasan Agensi;
- iii) Program 'Town Hall';
- iv) 'One-Stop-Centre' (OSC) seperti Pusat Transformasi Bandar/Luar Bandar (UTC/RTC);
- v) Program Turun Padang oleh Menteri/ Pegawai atasan Kementerian;
- vi) Penubuhan Akaun di Laman Sosial (Facebook dan Twitter) oleh Agensi/ Jabatan, Menteri dan Pengurusan Atasan Agensi;
- vii) Penyediaan saluran aduan yang sistematik di setiap Agensi; dan
- viii) Penganjuran lab-lab (makmal) yang melibatkan individu dan pertubuhan dalam membincang sesuatu cadangan atau inisiatif untuk menambahbaik sistem penyampaian.

Inisiatif-inisiatif tersebut dapat menjadi wahana untuk rakyat memberikan input yang konstruktif dan nilai tambah dalam proses pembangunan negara. Saluran sedia ada ini adalah memadai untuk rakyat menyampaikan pendapat, aduan serta luahan perasaan mereka dan tidak perlu diwujudkan satu saluran atau laman yang baru seperti 'We the People' kerana dikhuatiri saluran yang terlalu banyak boleh mengelirukan orang awam dan memerlukan pertambahan sumber manusia untuk menguruskannya.

Kerajaan sentiasa mendengar pandangan dan keluhan rakyat. Kerajaan bersedia untuk saling bekerjasama dan berganding bahu dengan rakyat dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan agar sebarang permasalahan dan isu yang dihadapi oleh rakyat dapat ditangani secara menyeluruh demi kebaikan bersama.